

**BENGKEL
LITERASI MEDIA DAN MAKLUMAT PERDANA
15 OGOS 2017 (SELASA)**

**Anjuran:
PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA**

**Dengan kerjasama:
MAJLIS BELIA MALAYSIA (MBM) &
GURU MUDA 1MALAYSIA KUALA LUMPUR (GM1MKL)**

Perpustakaan Negara Malaysia dengan kerjasama Majlis Belia Malaysia (MBM) dan Guru Muda 1Malaysia Kuala Lumpur (GM1MKL) akan menganjurkan Bengkel Literasi Media dan Maklumat (LMM) Perdana pada **15 Ogos 2017 (Selasa)** di Perpustakaan Negara Malaysia.

Bengkel LMM Perdana yang julung kali diadakan ini adalah sebagai *platform* bagi menarik minat dan kefahaman belia Malaysia terhadap kepentingan menguasai kemahiran literasi maklumat dalam kehidupan moden hari ini.

Belia Malaysia (golongan berumur 15-40 tahun) merupakan sasaran utama bengkel kerana merupakan kelompok aktif sebagai netizen selain sebagai golongan pelajar dan pekerja yang terdedah kepada lambakan maklumat yang memerlukan kemahiran penyaringan maklumat.

Objektif bengkel adalah seperti berikut:

- i. Menyahut seruan kerajaan dalam melahirkan generasi muda yang cintakan ilmu pengetahuan, bermaklumat yang berkualiti dan menggalakkan pembelajaran sepanjang hayat;
- ii. Membina kesedaran dan keyakinan peserta tentang kepentingan membaca ke arah membina kualiti diri dan menjadikan mereka sebagai pemimpin belia yang berketrampilan dan berwawasan.
- iii. Mendedahkan peserta kepada kemahiran dan kepentingan literasi maklumat yang merangkumi teknik pencarian, penilaian, penggunaan, pengurusan, dan penyebaran maklumat secara berkesan, tepat dan beretika;

Majlis Penutup Bengkel LMM Perdana akan disempurnakan oleh YBhg. Dato' Nafisah Ahmad, Ketua Pengarah PNM. Majlis akan turut dihadiri oleh Tuan Haji Mua'amar Ghadafi Jamal bin Datuk Wira Jamaluddin, Presiden MBM.

Pengisian bengkel sehari ini termasuklah merangkumi ceramah, ujian kefahaman tahap literasi maklumat, kuiz, refleksi minda, aktiviti berkumpulan dan latihan secara *hands-on* pangkalan data dan enjin pencarian terpilih, serta *hands on* perkhidmatan digital dan u-pustaka yang disediakan oleh PNM.

Pra pelancaran Modul e-LMM akan diadakan bersempena dengan majlis penutup Bengkel LMM Perdana. PNM amat menghargai kolaborasi yang terbentuk bersama Universiti Teknologi Malaysia melalui pembangunan modul literasi media dan maklumat secara dalam talian. Kerjasama ini menjadi tanda aras kepada pencapaian dan kemajuan pelaksanaan literasi media dan maklumat di Malaysia.

Modul LMM secara dalam talian adalah pembelajaran secara maya yang merangkumi panduan mengenal pasti keperluan maklumat, teknik pencarian maklumat berkesan, kriteria menilai maklumat, kaedah mengurus maklumat, etika penggunaan maklumat dan penyebaran maklumat yang sah. Modul ini boleh diakses melalui url www.elmm2017.com.

Berminat untuk menyertai Bengkel LMM Perdana..

Sila isi **pengesahan kehadiran** dan faks ke nombor 03-2681 4356 atau emel bglm@pnm.gov.my

Maklumat lanjut sila hubungi:

Urus setia Bengkel LMM Perdana
Perpustakaan Negara Malaysia
No. Tel : 03-2687 4336/4338/4339

BENGKEL LITERASI MEDIA DAN MAKLUMAT PERDANA
15 Ogos 2017 (Selasa)

SESI I: Bengkel Literasi Media dan Maklumat Perdana

8.30 pg	Pendaftaran Peserta
9.00 pg	Pengenalan kepada Maklumat dan Literasi Maklumat Modul 1: Mengenalpasti Keperluan Maklumat Modul 2: Pencarian Maklumat Refleksi Minda Sesi Kaji selidik keberkesanan e-modul LMM
10.30 pg	Minum pagi
11.00 pg	Modul 3: Penilaian Maklumat Modul 4: Pengurusan Maklumat Modul 5: Etika Penggunaan Maklumat Modul 6: Penyebaran Maklumat Refleksi Minda/Aktiviti Kuiz
12.00 tgh	Sesi Latihan <i>Hands-on</i> Perkhidmatan Sumber Elektronik dan u-Pustaka Sesi Kaji selidik kepenggunaan e-modul LMM
1.00 tgh	Makan Tengahari/Rehat
2.30 ptg	Sesi Latihan <i>Hands-on</i> Perkhidmatan Sumber Elektronik dan u-Pustaka

SESI II: Majlis Penutup

3.30 ptg	Majlis Penutup dan Penyampaian Sijil Disempurnakan oleh YBhg. Dato' Nafisah Ahmad Ketua Pengarah Perpustakaan Negara Malaysia
5.00 ptg	Bersurai

ATUR CARA TENTATIF
MAJLIS PENUTUP
BENGKEL LITERASI MEDIA DAN MAKLUMAT PERDANA
15 Ogos 2017 (Selasa)

- 3.30 petang : Ketibaan Jemputan
- 3.35 petang : Ketibaan Ketua Penggerak Guru Muda 1Malaysia Kuala Lumpur (GM1MKL)
: Ketibaan Pro Naib Canselor Universiti Teknologi Malaysia (UTM)
: Ketibaan Presiden Majlis Belia Malaysia (MBM)
- 3.45 petang : Ketibaan
YBhg Dato' Nafisah Ahmad
Ketua Pengarah
Perpustakaan Negara Malaysia
- : Lagu Kebangsaan Negaraku
- : Bacaan Doa
- : Ucapan
Tuan Haji Mua'amar Ghadafi Jamal bin Datuk Wira Jamaluddin,
Presiden Majlis Belia Malaysia
- : Persembahan Akustik "Aku Negaraku" oleh GM1MKL
- : Ucapan Majlis Penutup
YBhg Dato' Nafisah Ahmad
Ketua Pengarah
Perpustakaan Negara Malaysia
- : Prapelancaran Modul e-LMM
: Penyampaian Sijil
- 4.45 petang : Jamuan

BENGKEL LITERASI MEDIA DAN MAKLUMAT PERDANA

15 OGOS 2017 (SELASA)

PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA

BORANG PENGESAHAN KEHADIRAN

Melalui Faksimili: **03-26874356**

Tarikh:

Melalui Emel: bglm@pnm.gov.my

Ketua Pengarah

Perpustakaan Negara Malaysia

232 Jalan Tun Razak

50572 KUALA LUMPUR

(u/p: Puan Zuliana Ab. Rashid

Penolong Pengarah

Bahagian Gerakan Literasi Maklumat)

YBhg. Dato'/Tuan/Puan,

PROGRAM LITERASI MEDIA DAN MAKLUMAT PERDANA

Dengan hormatnya adalah saya diarah merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa saya **akan / tidak akan** menghadiri program tersebut:

NAMA	NO. KP	EMEL	NO. TELEFON

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

“BANGSA MEMBACA BANGSA BERJAYA”

Saya yang menurut perintah,

(Tandatangan)

***Pengesahan kehadiran adalah pada atau sebelum 14 Ogos 2017.**